

05 OCT 2003

Asean-Getah

DR M AKAN SAKSI PEMETERAIAN PERJANJIAN GETAH

Oleh: Salbiah Said dan Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyaksikan pemeteraian perjanjian pemegang-pemegang saham yang akan menandakan pelancaran konsortium getah yang bertujuan menstabilkan harga komoditi itu di pasaran antarabangsa.

Perjanjian itu akan ditandatangani oleh menteri-menteri perdagangan dari Indonesia dan Thailand serta Menteri Perusahaan Utama Malaysia Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pada Sidang Kemuncak Kesembilan Asean Bali pada Isnin.

Tiga negara berkenaan -- tiga pengeluar getah utama dunia -- telah cuba sejak 2001 untuk menubuhkan konsortium yang dikenali sebagai "International Tripartite Rubber Company" (Syarikat Getah Antarabangsa Tiga Pihak) dalam usaha meningkatkan harga komoditi itu yang pada ketika itu mengalami penurunan paling teruk dalam tempoh 30 tahun.

Hanya pada Ogos 2002, menteri-menteri tiga negara terbabit menandatangani memorandum persefahaman di Bali bagi penubuhan konsortium itu.

Di bawah perancangan itu, ketiga-tiga negara akan mengurangkan output dan eksport getah bagi membantu menstabilkan harga komoditi itu.

Thailand merupakan pengeluar dan pengeksport getah terbesar, dengan output antara dua juta dan 2.4 juta tan setahun, kira-kira 90 peratus daripadanya dieksport.

Kedua terbesar ialah Indonesia dengan output tahunan antara 1.4 juta dan 1.3 juta tan, manakala pengeluaran Malaysia pula ialah kira-kira 600,000 tan.

Ketiga-tiga negara itu juga akan perlu menyumbang dana kepada konsortium itu, menurut laporan Jakarta Post.

Menurut laporan sebelum ini, Thailand akan menyumbang kira-kira US\$25 juta, Indonesia US\$18.75 juta dan Malaysia US\$12.50 juta.

Masalah untuk mengumpul dana itu dikatakan sebagai satu daripada faktor yang menyebabkan penubuhan konsortium itu tertangguh.

"Ia (masalah pembiayaan) kini sudah diselesaikan," menurut laporan akhbar itu.

Penganalisis menyatakan harga getah di pasaran antarabangsa sudah mula pulih, berikutan peningkatan permintaan terutama dari China, menurut laporan itu.

Mengikut satu anggaran, penggunaan getah dunia akan meningkat sebanyak tujuh peratus tahun ini daripada 17.63 juta tan tahun lepas. Tahun depan, penggunaan getah dijangka tumbuh sebanyak 5.5 peratus.

China dijangka akan mengimport kira-kira 900,000 tan getah asli tahun ini berbanding kira-kira 400,000 tan tahun lepas.

-- BERNAMA

SS OPP RBZ RHM